# PROSEDUR PEMETERAIAN MOU & MOA OLEH UNIVERSITI AWAM

# PUNCA KUASA PROSEDUR PENGGUBALAN DAN PEMETERAIAN MOU & MOA IPTA



RAHSIA

**DOKUMEN INI IALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA**

BUTIR-BUTIR KEPUTUSAN MESYUARAT JEMAAH MENTERI YANG TELAH DISAHKAN

Mesyuarat Pada : **12 September 2007**

**Memorandum Jemaah Menteri**

9. **TATACARA PENGGUBALAN DAN PEMETERAIAN MEMORANDUM PERJANJIAN DAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN OLEH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

(Datuk Mazidah Abdul Majid)
b.p Setiausaha Jemaah Menteri

Tindakan:

Kem. Pengajian Tinggi

Makluman:

Jab. Peguam Negara
Jab. Perkhidmatan Awam
UPE, JPM
Kem. Kewangan
Kem. Luar Negeri

TERIMA
24 SEP 2007
PEJABAT KETUA SETIAUSAHA

DATUK DR. ZULKEFLI BIN A. HASSAN
KSU
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
MALAYSIA

RECEIVED
27 SEP 2007
PENYELARASAN DASAR

**MAKLUM BALAS HENDAKLAH DILAPORKAN SEGERA**

RAHSIA

**Antara keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Menteri adalah seperti berikut:**

i. supaya satu peruntukan dan format yang standard dibangunkan oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) dan agensi pusat lain seperti JPA, MOF, Wisma Putra dan KPT;

ii. supaya MOU dan MOA menggunakan format dan peruntukan yang standard (setakat mana yang boleh seperti yang disediakan oleh AGC;

iii. MOU dan MOA yang mengandungi komitmen yang lebih daripada apa yang diperuntukkan mengikut format standard perlu dikemukakan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri;

iv. supaya segala perbelanjaan berikutan termeterainya MOU dan MOA itu hendaklah ditampung dari peruntukan IPTA yang berkenaan atau KPT dan tidak melibatkan peruntukan tambahan; dan

v. sekiranya ia melibatkan peruntukan tambahan, maka MOU dan MOA itu hendaklah mendapat kelulusan Jemaah Menteri terlebih dahulu.

# KERJASAMA / KOLABORASI UNIVERSITI DENGAN PIHAK LUAR (MOU/MOA)

**Penurunan kuasa kepada Lembaga Pengarah Universiti**

- KPT melalui Pekeliling Pentadbiran 5 tahun 2008 telah bersetuju supaya Lembaga Pengarah Universiti boleh meluluskan MOU/MOA dengan syarat-syarat seperti berikut:

  i. MOU dan MOA tersebut hendaklah mengikut format standard secara keseluruhan (in toto) seperti yang disertakan Pekeliling Pentadbiran tersebut;

  ii. MOU dan MOA tersebut tidak melibatkan dasar-dasar semasa Kerajaan, implikasi kewangan dan keselamatan negara; dan

  iii. MOU dan MOA tersebut bukan ditandatangani dengan mana-mana Kerajaan asing.

- Penurunan kuasa ini diberikan berdasarkan peruntukan Seksyen 4C Akta 30 oleh Menteri Pendidikan Tinggi kepada Lembaga Pengarah Universiti

**Kuasa Menteri dan Jemaah Menteri**

- MOU dan MOA hendaklah dikemukakan kepada JPT untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Pendidikan Tinggi sekiranya:

  i. tidak mengikut format standard secara keseluruhan (in-toto); atau

  ii. melibatkan dasar-dasar semasa Kerajaan, implikasi kewangan dan keselamatan negara; atau

  iii. ditandatangani dengan mana-mana Kerajaan asing,

- Dalam membuat pertimbangan tersebut, Menteri Pendidikan Tinggi mempunyai hak sama ada untuk menjalankan kuasanya secara bersendirian atau merujuk MOU/MOA kepada Jemaah Menteri.

# KERJASAMA / KOLABORASI UNIVERSITI DENGAN PIHAK LUAR (MOU/MOA)

SULIT ASUJM TAHUN 2024 21

**4.4 MEMORANDUM MENGENAI CADANGAN MENANDATANGANI PERJANJIAN DENGAN PIHAK ASING**

Peraturan-peraturan pembentangan Memorandum mengenai cadangan menandatangani perjanjian dengan pihak asing adalah seperti yang berikut:

(1) kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan hendaklah mendapatkan persetujuan (*authorisation*) daripada Kementerian Luar Negeri untuk mengadakan perjanjian dengan pihak asing;

(2) kelonggaran diberikan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menandatangani perjanjian dengan kerajaan negeri di sesebuah negara di mana kerajaan-kerajaan negeri mempunyai kuasa yang luas dalam pelbagai bidang berbanding kerajaan pusat negara berkenaan;

(3) pengecualian diberi kepada perjanjian atau MoU/MoA yang ditandatangani oleh institusi pengajian tinggi awam dengan institusi asing dengan syarat ia mengikut format standard yang disediakan dengan persetujuan Jabatan Peguam Negara di mana ia hanya memerlukan kelulusan YB Menteri Pendidikan Tinggi melalui kuasa yang diberi di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Perjanjian atau MoU/MoA yang mengandungi komitmen yang lebih daripada apa yang diperuntukkan dalam format standard tersebut hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri;

(4) apa-apa bentuk perjanjian yang dibuat oleh badan-badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan adalah tidak tertakluk kepada Arahan ini sekiranya ia tidak mendatangkan kesan secara langsung terhadap Kerajaan Persekutuan. Perjanjian-perjanjian sedemikian adalah memadai disemak dan disahkan terlebih oleh penasihat undang-undang kementerian yang berkaitan sahaja yang juga merupakan wakil Jabatan Peguam Negara, sebelum ia ditandatangani;

**<u>Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Tahun 2024</u>**

- Perenggan 4.4 (3) bahawa pengecualian diberi kepada perjanjian atau MOU/MOA yang ditandatangani oleh IPTA dengan institusi asing dengan syarat ia mengikut format standard yang disediakan dengan persetujuan AGC.
- Perjanjian atau MOU/MOA yang mengandungi komitmen yang lebih daripada apa yang diperuntukkan dalam format standard tersebut hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri.
- Semakan dengan PUU, KPT memaklumkan bahawa Pekeliling Pentadbiran Bilangan 5 Tahun 2008 KPT masih terpakai.

## KERJASAMA / KOLABORASI UNIVERSITI DENGAN PIHAK LUAR NEGARA (MOU/MOA)

### Carta Alir Proses Kelulusan MOU/MOA Universiti Awam

**1 — MOU/MOA in-toto dan tiada implikasi dasar, keselamatan dan kewangan**

| Pemohon | Perakuan | Persetujuan | Kelulusan |
|---|---|---|---|
| Fakulti/PTJ/ Jabatan | JK Pengurusan UA | Senat | Lembaga Pengarah UA |

**2 — MOU/MOA tidak mengikut format dan mempunyai implikasi dasar, keselamatan dan kewangan**

| Semakan Dasar dan Perundangan | | | | Pihak Berkuasa Melulus | |
|---|---|---|---|---|---|
| JPT | BHA | PUU KPT | JPPKA | YB Menteri Pendidikan Tinggi | *Jemaah Menteri |

JPPKA – Jawatankuasa Penyelarasan Dan Pemantauan Kerjasama Antarabangsa KPT